

## **UEM Edgenta Memperluaskan Jejak di Pasaran Hartanah Timur Tengah dengan Pemerolehan KAIZEN Group dan Kerjasama Teknologi**

DUBAI, 7 Disember - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset & Penyelesaian Infrastruktur, sedang melaksanakan strategi pengembangan serantaunya dalam pasaran pengurusan kemudahan bersepadu di Timur Tengah. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Syarikat telah merasmikan perjanjian dengan pihak Kumpulan KAIZEN, sekaligus mengukuhkan kehadirannya di rantau ini. Menekankan kepada komitmen inisiatif pertumbuhan strategik, UEM Edgenta turut mengumumkan pertukaran tiga (3) Memorandum Eksplorasi Perniagaan (MOBE) berasingan dengan rakan kongsi mereka; DISRUPT-X DMCC (Disrupt-X), ZAIN TECHNOLOGIES LLC (Zain Tech) dan Tadoom.

Diumumkan semasa Persidangan UNFCCC ("COP28"), pihak Syarikat berbesar hati mengumumkan pemerolehan pegangan sebanyak 60% di dalam sebuah syarikat perkhidmatan pengurusan harta tanah dipacu teknologi terkemuka yang berpusat di Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kumpulan KAIZEN mempunyai reputasi yang cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan menyeluruh di seluruh rantaian nilai harta tanah, termasuk Pengurusan Persatuan Pemilik, Pengurusan Komuniti, Pengurusan Projek Pembangunan, Penasihat & Perundingan Pengurusan Hartanah & Sewa, serta Perkhidmatan Penyerahan & Snagging.

Gabungan kekuatan UEM Edgenta dengan Kumpulan KAIZEN, bakal menubuhkan platform perkhidmatan harta tanah yang bersepadu. Usaha kerjasama ini tertumpu bagi meningkatkan penyediaan perkhidmatan bersepadu dan mewujudkan pengalaman gaya hidup khusus, yang disokong oleh teknologi canggih dan penyelesaian yang mampan.

Pemerolehan ini juga akan memudahkan integrasi bangunan pintar Edgenta, memanfaatkan platform Asseto SaaS, dan menggabungkan penyelesaian kemampanan seperti Kecekapan Tenaga, Kontrak Prestasi Tenaga dan Inisiatif Bangunan Hijau. Langkah strategik ini menangani permintaan yang semakin meningkat bagi penyelesaian-penyelesaian ini di rantau Timur Tengah.

Syahrurizam Samsudin. Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, berkata, "Kehadiran Kumpulan KAIZEN sebagai sebahagian daripada UEM Edgenta merupakan satu langkah strategik, memanfaatkan peluang pertumbuhan dalam sektor harta tanah. Ini didorong oleh *Dubai Master Urban Plan 2040*, yang bertujuan untuk mewujudkan modal kesejahteraan, dengan sasaran bagi meningkatkan reputasi Dubai sebagai bandar terkemuka untuk kehidupan berkualiti. Penggabungan ini mengukuhkan kehadiran UEM Edgenta di Timur Tengah, selaras dengan visi '*Edgenta of the Future 2025*'. Ia memperluaskan jejak antarabangsa kami, yang telahpun meliputi Malaysia, Singapura, Taiwan, Indonesia, UAE dan Arab Saudi, sambil meningkatkan penawaran produk dan teknologi kami dalam pasaran pertumbuhan tinggi. Usaha ini adalah bukti komitmen berterusan kami untuk memperkayakan kehidupan dan memajukan infrastruktur pada

skala global, sambil merealisasikan penyelesaian teknologi yang berpandangan ke hadapan dalam pembangunan bandar pintar yang mampan.”

“Inisiatif kami hari ini bukan sekadar aspirasi; kami yakin ini merupakan jalan yang terbaik untuk dunia yang mampan, inklusif dan makmur. Kami percaya bahawa data dan AI, terutamanya dalam konteks bandar pintar merupakan elemen asas dalam perjalanan transformatif ini. Melalui gabungan tersebut, kami bercita-cita untuk memimpin dalam mewujudkan piawaian industri baharu, memupuk kerjasama global, dan menerapkan prinsip ESG ke dalam intipati operasi Bandar Pintar kami,” tambah Syahrunizam.

Sebagai tambahan kepada pemerolehan Kumpulan KAIZEN, UEM Edgenta dengan sukacitanya mengumumkan perasmian MOBE bagi usahama dengan Disrupt-X, Zain Tech dan Tadoom. Kerjasama strategik ini menandakan permulaan usaha kolektif yang bertujuan untuk memanfaatkan kepakaran gabungan ketiga-tiga organisasi. Di dalam usahasama dengan Zain Tech dan Tadoom, UEM Edgenta akan memulakan inisiatif khusus di Oman dan rantau Timur Tengah secara amnya. Disrupt-X memainkan peranan penting dalam perkongsian ini bersama Zain dan Tadoom, memberi tumpuan kepada pembangunan bandar pintar dan kemampuan dalam persekitaran dibina dengan memanfaatkan *Internet of Things* (IoT) dan penyelesaian pintar pada peringkat aset dan pada skala seluruh bandar.

Usahasama ini mengukuhkan komitmen UEM Edgenta untuk menyampaikan penyelesaian inovatif, berasaskan teknologi dalam sektor harta tanah dan pada masa yang sama membentuk masa depan yang mampan dan maju secara teknologi di rantau ini.

Mewakili organisasi masing-masing semasa sesi pertukaran dokumen ialah Fadi Marwan Alnwilati Almasri, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KAIZEN, Hany Hanna, Ketua Pegawai Eksekutif Zain Tech dan Abdullah Al Badi, Ketua Pegawai Eksekutif, Tadoom.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrunizam Samsudin turut ditemu bual oleh Reuters di sekitar acara COP 28 di Dubai. Selari dengan tema keseluruhan COP28, beliau membincangkan bagaimana teknologi inovatif dan infrastruktur hijau merupakan alat penting bagi entiti pengurusan aset seperti UEM Edgenta dalam menyumbang kepada matlamat iklim. Video tersebut boleh diakses dari pautan di bawah:  
[ <https://www.reuters.com/plus/acumen-stories/cop-28/uem-edgenta> ]

Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta dan inisiatif-inisiatifnya yang lain di Timur Tengah, sila layari <https://www.uemergenta.com>.

-Tamat-

**SIARAN MEDIA  
UNTUK SIARAN SEGERA  
7 DISEMBER 2023**



**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.